

08/07/2002

Isu Menteri Kewangan baru tidak jejas BSKL

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yakin pasaran saham dan pelaburan syarikat asing di negara ini tidak akan terjejas apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan Menteri Kewangan.

Pengarah Eksekutif MIER, Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem, berkata pasaran saham sudah menerima penjelasan kerajaan mengenai proses peralihan kuasa yang akan dibuat.

"Ia bukan satu perkara yang mengejutkan dan pasaran saham sudah menerima fakta mengenai proses peralihan kuasa yang sedang berlaku.

"Sesiapa juga yang menjadi menteri kewangan, ia tidak akan memberi sebarang kesan kerana kerajaan akan tetap meneruskan prinsip dan dasar yang sedia ada.

"Selagi polisi yang menyenangkan mereka (pelabur asing) tetap diteruskan, mereka tidak akan mengubah haluan ke negara lain," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dr Mahathir semalam tidak menolak kemungkinan melantik seorang lagi menteri kewangan ketika menjawab soalan pada sesi soal jawab jamuan tengah hari anjuran Jawatankuasa Bersama Perdagangan, Industri dan Perbankan Thailand.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Thailand juga menyatakan beliau akan melepaskan jawatan sebagai menteri kewangan tetapi enggan menyatakan pengganti bagi jawatan itu.

Dr Mohamed Ariff berkata, walaupun proses peralihan kuasa itu mengambil masa yang lebih panjang, iaitu selama 16 bulan, pasaran saham akan dapat menyesuaikan keadaan itu.

"Perkara ini sudah dijelaskan Dr Mahathir dan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Jadi, ia adalah sesuatu perkara yang biasa di mana-mana negara yang mengalami perubahan politik," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, keadaan ekonomi akan tetap teguh sekiranya kerajaan yang akan diterajui Abdullah kelak, meneruskan dasar kewangan yang kukuh seperti sedia ada.

Bagaimanapun, Dr Mohamed Ariff menjelaskan bahawa keadaan turun naik di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menjadi fenomena biasa apabila pelabur banyak dipengaruhi isu yang ada kaitan dengan pemerintahan negara dan kewangan.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Salleh, berkata prestasi BSKL yang tidak menentu awal bulan ini bukan kesan pengumuman pengunduran Dr Mahathir menerajui kepimpinan negara.

Sebaliknya, keadaan itu banyak dipengaruhi faktor utama lain, termasuk skandal kewangan yang melanda Worldcom Inc kerana ada pelabur yang melihat pasaran berdasarkan sentimen.